

# E-BULETIN JKA

informasi untuk dikongsi



Oleh : Lee Kong Fah

## KMTECH 2019 Pencetus inovasi di dalam SAR

Ground Search and Rescue (SAR) merupakan satu kegiatan dan usaha mencari, menolong dan menyelamatkan mangsa sama ada dikhuatiri hilang atau berada dalam keadaan yang berbahaya. Operasi mencari dan menyelamat dijalankan tidak mengira tempat atau lokasi. Terdapat banyak teknologi terkini yang digunakan dalam operasi SAR ini. Berdasarkan perkembangan ini, pihak Politeknik Kuching Sarawak menganjurkan pertandingan inovasi "Kenyalang Mapping Technologies (KMTEch 2019) : Ground Search and Rescue (SAR)". Pengajian pertandingan ini turut melibatkan kerjasama Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak, Land Surveyors Board Sarawak (LSBS), HERE Malaysia, The Association Of Consulting Licensed Land Surveyors Sarawak (ACLS) dan Royal Institution Of Surveyors Malaysia Sarawak Branch (RISM). >> m/s 3

International UTM Bridge Competition  
>> m/s 4

Pertandingan Build & Breaks  
>> m/s 5

POLYSKILL 2019  
>> m/s 7

Sekitar Majlis CEDDay 2019  
>> m/s 8

Pembinaan Dataran Usahawan  
>> m/s 9

 Isu Menarik



Che Zaidi Bin Che Hassan  
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera  
Alhamdullilah, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersua kembali pada keluaran buletin siri 3/2019 Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kuching Sarawak.

Tahniah kepada sidang redaksi buletin yang berusaha gigih untuk menghasilkan buletin ini sebagai wadah menyalurkan maklumat dan hebahan semasa berkenaan pencapaian dan aktiviti jabatan sepanjang bulan Julai hingga September 2019.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada semua warga JKA yang telah turut terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam mencipta pelbagai kejayaan dan pencapaian yang membanggakan dalam beberapa pertandingan yang melibatkan para pensyarah dan pelajar daripada program DPB, DKA dan DGU. Kejayaan tersebut sekaligus telah berjaya mengharumkan nama Jabatan Kejuruteraan Awam khasnya, dan Politeknik Kuching Sarawak amnya.

Diharap, dengan kejayaan dan pencapaian cemerlang ini, semua warga JKA akan terus komited untuk bersatu dan bekerjasama dalam menyumbang bakti demi kesinambungan kecemerlangan jabatan ini. Akhir kata, dengan adanya buletin ini diharap maklumat aktiviti dan pencapaian dapat disebar luas bukan hanya di kalangan warga PKS malahan dapat diakses oleh pembaca di luar. Wassalam.

# SEKAPUR SIREH

## *Seulas Pinang*

## *Team Redaksi*

### Penasihat

Che Zaidi Bin Che Hassan

### Ketua Editor

Joshua Anak Ribi

### Pen. Ketua Editor / Designer

Mohd Nizar Bin Hashim

### AJK

Mohd Zawawi Bin Abd Aziz  
Stuart Otto Anak Wilson  
Suriati Bt Ibrahim

Salam Sejahtera, Saya Mewakili pihak redaksi mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan penerbitan e-buletin jka ini. Kami bertekad dan berusaha memberikan yang terbaik untuk pembaca sekalian bersesuaian dengan iltizam kami informasi untuk dikongsi. Sekian, salam poliku sayang daripada kami di pihak redaksi.

Ketua Editor,  
Joshua anak Ribi

## Pengurusan Tertinggi JKA 2019



Ketua Jabatan  
Che Zaidi Bin Che Hassan



Setiausaha  
Nur Athirah Azni



Ketua Program DKA  
Lydia Anak Angkul



Ketua Program DPB  
Retawen Sabri Abd Rahman



Ketua Program DGU  
Sumbang Anak Mandau



Oleh : Lee Kong Fah

# KMTECH 2019

## Aplikasi Membantu SAR

Ground Search and Rescue (SAR) merupakan satu kegiatan dan usaha mencari, menolong dan menyelamatkan mangsa sama ada dikhuatiri hilang atau berada dalam keadaan yang berbahaya. Operasi mencari dan menyelamat dijalankan tidak mengira tempat atau lokasi. Terdapat banyak teknologi terkini yang digunakan dalam operasi SAR ini. Berdasarkan perkembangan ini, pihak



Pencapaian terbaik PKS pada pertandingan ini ialah melalui Kelvin Lo Wei Soon dan Chai Yan Ru dengan menduduki tempat kedua dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1000



beserta piala dan sijil. Berikut merupakan keputusan penuh pertandingan KMTECH2019.

Penyelia	Institusi	Pelajar	Pelajar	Ranking
Muhamad Uzir Ujang	UTM	TANG SIEW KHING	PHAN HOCK LAI	1
Sr Tong Hua Sang	PKS	Kelvin Lo Wei Soon	Chai Yan Ru	2
LEE KONG FAH	PKS	PELLY ANAK MAJENG	SITI NURZUFAIEZH BINTI FAISAL	3
MOHD NIZAR BIN HASHIM	PKS	MUHAMMAD SHAHRULNIZAM BIN MASNAWI	MOHD HAFIZZY BIN HASSAN	4
Siti Yukuni Binti Jusoh	PUSO	Brintha A/P Ganaguru	Chanthia Nadia A/P Balasurungan	5
MOHD NIZAR BIN HASHIM	PKS	WARDAH SAFIQA BINTI JEFRI	NURUL AFIFAH BINTI ABU	6
Sr Tong Hua Sang	PKS	NURNILAM BINTI ROSLAN	Zeti Aida Binti Baseri	7
NAZATUL FARIZA BINTI BAKERI	PUSO	SHIFA'HANNAN BINTI ABDUL BUHAT	AIN HAZRIRAH BINTI ALSIDDIN	8
TAN PHEI YEE	PKS	LAI KHING HIAN	BENNY J WALTER	9
Sr Tong Hua Sang	PKS	Mohd. Khairiez Anha Bin Ramzi	-	10

PKS menganjurkan pertandingan inovasi “Kenyalang Mapping Technologies (KMTECH 2019) : Ground Search and Rescue (SAR)”. Penganjuran pertandingan ini turut melibatkan kerjasama Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak, Land Surveyors Board Sarawak (LSBS), HERE Malaysia, The Association Of Consulting Licensed Land Surveyors Sarawak (ACLS)

dan Royal Institution Of Surveyors Malaysia Sarawak Branch (RISM).

Program ini menyasarkan penyertaan semua pelajar Diploma dan Sarjana Muda dalam bidang geomatik serta bidang lain yang berkaitan dari seluruh negara termasuk kolej vokasional serta institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta untuk menghasilkan produk pemetaan yang inovasi.



 International

# UTMBridge Model Competition 2019

Oleh : Azlan Bin Mohd Ali



UTM skudai dengan kerjasama AEC Prima Sdn. Bhd., hss Engineers, BlueScope Lysaght, Asia Technological University Network, Kumpulan Barkath, UTM Space, Chee Kong Engineering & Construction Sdn. Bhd dan KITA RYO Trading telah menganjurkan 11th International UTMBridge Model Competition 2019 . Pertandingan ini disertai oleh 88 pasukan dari IPT dalam dan luar negara dan 54 buah pasukan sekolah seluruh Malaysia. Kesemua pasukan ini terpaksa melalui saringan awal dari pihak UTM dengan menghantar proposal dan drawing plan untuk di semak dan dinilai sebelum diluluskan utk menyertai pertandingan diperingkat akhir yang di adakan di UTM kampus Skudai, Johor.

Politeknik Kuching Sarawak telah berjaya melepas saringan ini dan berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir. Politeknik Kuching Sarawak yang menggelarkan diri mereka sebagai ULTIMATE STRENGTH di wakili oleh 5 orang pelajar sem 3, 4 dan 5 Diploma Kejuruteraan Awam dan 2 org penyelia. Mereka ialah Johnnthen Then Jit Leong,



Jaroindra Balam James, Mohamad Firdaus Bin Bohari, Nurul Alya Syahirah Binti Zulkiflee, Anthea Lawie Anthony dan penyelia En. Azlan Bin Mohd Ali bersama, Pn. Normah Binti Jainudin



PKS telah mendapat 3 anugerah utama di sepanjang pertandingan ini iaitu :

- 1) Winner ( 1st Place ) : Most Creative Booth
- 2) 3rd Place for Creativity and Buildability Bridge Model
- 3) Silver Award

Pasukan PKS adalah Pasukan Terbaik Politeknik Seluruh Malaysia untuk edisi 2019 ini.

# Pertandingan build & **B R E A K S** Peringkat Kebangsaan

Oleh: Shahrul



Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Politeknik Ungku Omar (PUO) telah menganjurkan Pertandingan Build and Break 2019 pada 18 -19 september 2019 dan pertandingan ini terbuka kepada seluruh sekolah dan institusi pendidikan tinggi di Malaysia.

Pertandingan ini memerlukan kemahiran peserta untuk membina struktur model dengan kriteria tertentu yang telah termaktub didalam syarat penyertaan pertandingan. Setiap kumpulan peserta dikehendaki membina sebuah model jambatan dengan kemahiran dan kreativiti masing-masing supaya model tersebut dapat menampung beban yang akan di uji oleh juri.

Pertandingan ini memberi banyak faedah terutamanya kepada pelajar kerana dapat bersaing dan berfikiran lebih kritis dan kreatif disamping meningkatkan kemahiran didalam bidang pendidikan terutamanya TVET.

Format pertandingan adalah di pecahkan kepada beberapa kategori seperti model rekabentuk terbaik, model dengan daya ketahanan yang terbaik dan poster yang terbaik.



Di dalam pertandingan ini Politeknik Kuching telah menghantar 2 penyertaan dengan 8 orang pelajar JKA beserta 2 pensyarah penyelia. Dengan berkat doa dan usaha para pelajar mereka telah dinobatkan sebagai Naib Johan bagi kategori model ketahanan terbaik. Tahniah diucapkan!



# BENGKEL KEMAHIRAN MEMBACA PELAN BANGUNAN LUKISAN SENI BINA & STRUKTUR

oleh: Sezee

Bengkel ini telah diadakan di Dewan Kuliah 2, Politeknik Kuching Sarawak pada 30 Ogos 2019. Bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Awam ini diadakan



dengan tujuan meningkatkan pengetahuan pelajar dalam kemahiran membaca lukisan Architecture dan Civil & Structure serta membantu para pelajar supaya memahami dengan lebih jelas mengenai



susunan rebar dalam struktur bangunan. En Sani Zamshuri bin Bujang yang merupakan Construction Manager di Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd telah dijemput bagi menyampaikan ilmu serta memberikan panduan kepada pelajar berkaitan Kemahiran Membaca Pelan Bangunan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektif penganjurannya. Maklum balas yang diterima daripada peserta bengkel amat positif terutama berkenaan penceramah jemputan yang telah memberikan banyak input berkenaan kemahiran membaca pelan. Pelaksanaan program ini telah berjaya meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pelajar terhadap kemahiran membaca pelan bangunan.

# PERTANDINGAN POLYSKILLS

oleh : Zawaviv

Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kuching Sarawak sekali lagi telah menyertai pertandingan Kemahiran Politeknik Malaysia 2019 (POLYSKILLS) yang berlangsung di PSMZA pada 16-19 Sept 2019.

Bidang kemahiran yang disertai adalah Geomatik, Decorative painting, Brick Laying, Cabinet Making dan Joinery. Secara keseluruhannya PKS telah berjaya merangkul 3 gangsa dan salah satunya disumbangkan oleh JKA melalui bidang Geomatik.

Melalui POLYSKILLS JKA berazam meletakkan pencapaian dan kemahiran pelajar-pelajar PKS setanding dengan politeknik lain di Malaysia



# CIVIL ENGINEERING

oleh : Hazry Ismail

## DEPARTMENT DAY

Civil Engineering Department Day (CED-Day) merupakan salah satu aktiviti Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) yang diadakan pada setiap tahun bagi mengeratkan silaturrahim dan hubungan kekeluargaan antara keluarga pensyarah JKA. Ini kerana institusi keluarga adalah saluran asas dalam pembentukan sikap, nilai murni dan integriti seseorang.

CED-day merupakan salah satu wadah untuk menyatukan dan meningkatkan kerjasama antara semua pensyarah dan penglibatan pelajar jabatan. Aktiviti yang dirancang dan yang akan dijalankan diharapkan menjadi satu platform semangat setiaikawan dan muhibbah antara warga JKA dan juga pelajar. Antara pengisian CED-Day ini meliputi aspek kemahiran, kebudayaan, kerohanian dan sukan. Adalah menjadi harapan setiap warga JKA agar CED-Day ini berjalan lancar serta berjaya mencapai objektifnya.

CED- Day juga akan menganjurkan Civil Engineering Department Expert Race (CEDER). Ia merupakan aktiviti yang berkonsepkan sebuah pertandingan diantara setiap kumpulan pelajar dalam menyelesaikan satu tugas di setiap 9 checkpoint untuk menamatkan cabaran. Pelbagai bentuk aktiviti fizikal dan mental yang mengandungi elemen kursus kejuruteraan awam, perkhidmatan bangunan dan geomatik telah dirangka membolehkan pelajar meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara santai dan menyeronokkan. Ia juga akan memberi kesempatan kepada para peserta itu untuk memupuk semangat inkuiri serta menggembeleng daya inovasi dan kreativiti mereka dalam menyelesaikan masalah. Program ini dirancang sebagai sebahagian usaha berterusan untuk melahirkan pelajar yang boleh merancang dan merangka aktiviti serta boleh melaksanakan sesuatu program tau aktiviti. Selain itu, PKS juga dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta berpotensi untuk memberi sumbangan kepada kesejahteraan dan kemajuan diri sendiri, masyarakat, agama, bangsa dan Negara.



CED-Day ini turut melibatkan Jawatankuasa Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam bagi memberikan pendedahan awal kepada para pelajar untuk mengendali dan melaksanakan aktiviti mahupun program. Ia juga berhasrat untuk mengajak lebih ramai pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan riadah. Kerana tanpa badan sihat, otak kita tidak mampu untuk berfikir dengan lebih aktif seterusnya menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik.

# Projek Pembinaan Kioks Keusahawanan DATARAN PUSAT PELAJAR

Politeknik Kuching Sarawak

Oleh: Shahrizal



Projek membina tapak Kiosk Keusahawanan dan Dataran Pusat Pelajar Politeknik Kuching Sarawak ini diterajui oleh Jabatan Kejuruteraan Awam. Projek ini juga dilakukan dengan kerjasama pelbagai pihak antaranya ialah Kelab Jabatan Kejuruteraan Awam, Unit Pembangunan & Senggaraan, YES! Politeknik Kuching Sarawak, Persatuan Alumni Politeknik Kuching dan Unit Keusahawanan Politeknik Kuching Sarawak.



Projek ini akan dibina oleh pelajar Kelab Jabatan Kejuruteraan Awam dan dibantu oleh pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam. Penglibatan pelajar ini diterapkan menerusi program tanggungjawab sosial masyarakat. Tanggungjawab sosial masyarakat merupakan salah satu perkara yang terdapat dalam silibus kursus program kejuruteraan awam dan kokurikulum berkredit yang terdapat di Politeknik Kuching Sarawak. Kemahiran yang didapati melalui aktiviti khidmat masyarakat merupakan satu kredit kepada pelajar dalam mempromosikan diri mereka apabila bergelar graduan.

Projek ini dibina di tapak kawasan tanah berkeluasan 255.48 meter persegi di hadapan bangunan staff. Projek ini terdiri dari dua struktur bangunan yang akan dibina iaitu yang pertama tapak Kiosk keusahawanan berbumbung bagi menempatkan tiga buah kiosk bergerak dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Perdagangan. Manakala struktur yang kedua merupakan Dataran Pusat Pelajar yang terdiri satu struktur bangunan pergola yang menempatkan kerusi panjang dan meja bagi kegunaan pelajar bagi melakukan aktiviti keusahawan, akademik dan rekreasi.

# PERASMIAN SUDUT BACAAN JKA

Oleh : Nazmiah



Membaca Jambatan ilmu, itulah nilai yang mula hilang di kalangan generasi baru pada masa kini. Oleh itu, pihak JKA telah mewujudkan satu ruangan khas untuk bacaan di pejabat JKA.

Dengan usaha yang dijalankan ini, JKA telah mengadakan majlis kecil-kecilan untuk perasmian sudut tersebut.

Para pensyarah juga digalakkan untuk berkongsi bahan bacaan dengan menyumbang bahan tersebut dan diharapkan semoga ianya bermanfaat.



Pada majlis yang sama juga, JKA kehilangan seorang staf yang amat berwibawa iaitu Cik Suzana Wati kerana beliau telah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana di IPTA tempatan. Kami warga JKA mendoakan semoga beliau berjaya dan mendapat keputusan yang cemerlang serta dapat kembali menyambung tugas dengan segera.

